

Chun Sing: S'pura boleh bertakat jika rakyat pegang pada nilai sama, kekal bersatu

Turut berucap di sidang Perspektif Singapura 2020 anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) ialah Menteri Perdagangan dan Perusahaan Chan Chun Sing, yang melahirkan keyakinan beliau mengenai daya penakatan Singapura jika rakyatnya kekal bersatu padu.

Suhaimi Mohsen

Berita Harian, 22 Januari 2020

SINGAPURA boleh terus bertakat dan berkembang hingga ke SG100, malah melewati jangka waktu itu, selagi rakyat negara ini berpegang pada nilai yang sama dan terus bersatu, kata Menteri Perdagangan dan Perusahaan Chan Chun Sing.

"Walau Singapura hanya negara bandar kecil, tanpa sumber semula jadi, dengan rakyat berbilang bangsa, bahasa dan agama, kita boleh terus bertakat dan berkembang berdasarkan set nilai yang berteraskan kepelbagaiannya budaya dan meritokrasi.

"Ia akan mencorak masa depan, dan masa depan itu berada dalam genggaman, dengan kita tidak berhutang pada sesiapa, atau menjadi tebusan pada sesiapa... ia tidak mudah. Tetapi jika semua orang rebut peluang dan memainkan peranan dalam bidang masing-masing, kita boleh mencapainya," ujar beliau.

Encik Chan berkata demikian semasa menjawab soalan seorang peserta pada sidang tahunan Perspektif Singapura 2020 bertema politik anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS), di Marina Bay Sands kelmarin.

Menyingkap perkembangan Singapura, beliau berkata tanpa sumber asli, Singapura berusaha keras membina kehidupan, membina benteng pertahanan, menjaga keselamatan dan tidak bergantung pada ihsan sesiapa.

"Kita perlu mencari nilai tambah supaya kita dapat berdiri dalam sekitaran sejagat.

"Sepanjang 50 tahun lalu, kita mengemudi keadaan... menjaga keselamatan, membina kehidupan, penakatan, perpaduan kita. Jika kita cuai, tidak berhati-hati, tidak peka terhadap kuasa lebih besar di dunia, bersikap ambil mudah, kita akan hilang semua ini dengan mudah... Tugas kita belum selesai dan ia sentiasa dalam proses," ujar beliau.

Memberi contoh, Encik Chan berkata para pegawai di kementeriannya sentiasa berusaha menarik pelabur melabur di sini supaya rakyat Singapura, sekarang dan masa depan, terus mempunyai pekerjaan baik.

"Kita membesar dengan belajar dan sedar bahawa tidak ada yang berhutang kehidupan kepada kita. Kita berjaya dalam banyak bidang tetapi cabaran sentiasa ada. Kita mesti tunjukkan kepada dunia bahawa negara bandar kecil, tanpa sumber asli, yang berlainan bangsa, bahasa dan agama, boleh bersatu, boleh memberi nilai tambah kepada dunia, menyumbang kepada dunia kerana ada nilai dan citra sama," kata beliau.

Dalam sesi dialog yang dihadiri kira-kira 1,000 peserta mewakili pelbagai institusi dan pertubuhan itu, termasuk parti pembangkang, Encik Chan menjawab pelbagai soalan berkaitan politik, termasuk soal kepimpinan politik di Singapura.

Menjawab satu soalan mengenai kesukaran mendapatkan orang berkebolehan menyertai politik, Encik Chan berkata Singapura tidak memerlukan orang yang sanggup menjadi calon dalam sekitaran baik. Sebaliknya, negara ini memerlukan pemimpin yang sanggup mengharungi cabaran, memenangi kepercayaan rakyat, membuat keputusan sukar dan melaksananya.

Beliau menambah bahawa cabarannya ialah menarik bakat politik - bukan sekadar mendapatkan mereka yang mempunyai daya intelek, tetapi yang mempunyai nilai dan motivasi betul.

"Setelah mereka menyertai politik, bagaimanakah kita membentuk mereka menjadi pasukan koheren - tidak mengutamakan diri mereka lebih daripada mereka mengutamakan negara," kata beliau.

Encik Chan membincangkan juga topik lain berkaitan politik di Singapura dan carar dinamik politik telah beranjak dalam beberapa tahun kebelakangan ini.